

PENERBANGAN EHSAN BAGI MEMBAWA PULANG JENAZAH PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE BRUNEI

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5745-penerbangan-ehsan-bagi-membawa-pulang-jenazah-pesuruhjaya-tinggi-malaysia-ke-brunei



KUCHING, 18 Dis 19 – Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah melaksanakan penerbangan ihsan bagi membawa pulang jenazah Allahyarham TYT Amb Ismail bin Haji Salam. Allahyarham merupakan seorang Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei telah meninggal dunia di Bandar Seri Begawan.

Jenazah Allahyarham telah diterbangkan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ke PU Kuching menggunakan pesawat A400M daripada No 22 Skuadron milik TUDM.

Turut hadir menyambut kepulangan Allahyarham ialah Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi (DR) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Komander Pangkalan Udara Kuching Kol Mohd Azwan bin Mohd Pohari TUDM serta ahli-ahli keluarga Allahyarham.